

05 SEP 1998

KIT SIANG MAHU SIDANG PARLIMEN MENGENAI PEMECATAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ketua pembangkang Lim Kit Siang menggesa supaya diadakan sidang Parlimen khas untuk membincangkan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Lim, antara ramai mereka yang melawat Anwar di kediamannya di Bukit Damansara di sini hari ini, memberitahu pemberita kemudiannya bahawa beliau juga meminta untuk bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan apa yang dikatakannya satu "krisis" berikutan pemecatan Anwar.

Anwar dilucutkan jawatan Kabinetnya pada hari Rabu berikutan dakwaan serius terlibat dengan skandal seks dan jenayah-jenayah lain. Beliau telah menafikan semua dakwaan itu dan berkata beliau adalah mangsa konspirasi.

Lim, yang juga setiausaha agung DAP, juga meminta supaya diadakan suruhanjaya penyiasatan diraja untuk menyiasat dakwaan terhadap Anwar.

"Ia juga perlu menyiasat dakwaan yang tidak kurang seriusnya oleh Anwar bahawa instrumen kerajaan telah dimanipulasikan dalam satu konspirasi politik untuk menjatuhkannya," katanya.

"Ia bukanlah soal personaliti, ia adalah satu perkara yang berkaitan dengan negara yang mempunyai implikasi ekonomi dan sosial. Saya bukan berada di sini untuk mempertahankan Anwar," katanya.

Katanya Anwar berhak untuk mendapat pematuhan prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah.

--BERNAMA

RAZ WAT